

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	06 DECEMBER 2016

# Tak percaya sokongan Tun M punca umum keluar DAP

BH- 6/12/2016

➔ Bekas ahli seumur hidup hilang kepercayaan terhadap kepemimpinan parti cauvinis

Oleh Nur Izzati Mohamad  
bhnews@bh.com.my

✦ Georgetown

"**S**aya tidak percaya (Tun Dr) Mahathir (Mohamad) ikhlas membantu pakatan," tegas bekas ahli seumur hidup DAP, Shamsheer Singh Thind, yang mengumumkan keluar parti itu, kelmarin.

Shamsheer yang juga ahli DAP Bahagian Taman Chai Leng, Butterworth berkata, beliau sama sekali tidak bersetuju dengan pucuk pimpinan DAP yang kini menjalin kerjasama dengan Dr Mahathir dan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Katanya, 'kerjasama' ini mengingatkannya kepada apa yang terjadi kepada kerajaan pakatan di Perak yang tumbang akibat ada

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) melompat parti.

"Dr Mahathir sebelum ini dia cakap lain, sekarang lain, esok lain pula. Saya keluar parti kerana tidak setuju kerjasama dengan dia (Dr Mahathir) dan Muhyiddin. Jika Dr Mahathir ikhlas, siapa akan jadi Perdana Menteri kalau pakatan menang Pilihan Raya Umum Ke-14?" katanya ketika dihubungi BH di sini, semalam.

## Hilang kredibiliti

Kelmarin, Shamsheer yang juga pensyarah kriminologi dan undang-undang, mengumumkan keluar parti berikutan hilang kepercayaan kepada kepemimpinan parti, terutama Penasihat DAP, Lim Kit Siang, yang didakwa hilangnya kredibiliti apabila menjalin hubungan dengan Dr Mahathir.

Beliau yang menyerahkan surat peletakan ke Ibu Pejabat DAP pada 11 November lalu, turut menggesa parti itu menjarakkan diri daripada Mahathir, yang diumpamakan seperti ular dan bapa ayam, namun menarik balik kenyataan dibuat pada konvensyen peringkat negeri baru-baru ini, selepas diarahkan Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng.

Shamsheer berkata, persoalan mengenai siapa yang bakal menjadi Perdana Menteri perlu dijelaskan pucuk pimpinan DAP bagi mengelak kekeliruan dalam kalangan ahli yang masih bersama parti.

"Tidak guna ikhlas kalau tiada pelan (perancangan). Esok mesti ada Ahli Parlimen tidak puas hati akan lompat dan selepas itu kerajaan pakatan akan tumbang seperti di Perak," katanya.